

24/12/1997

Pelantikan Daim tingkat keberkesanan

KUALA LUMPUR, Selasa - Pelantikan Tun Daim Zainuddin sebagai Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (NEAC) akan menjanjikan peningkatan keberkesanan program bagi memperkukuhkan ekonomi negara dalam bidang pasaran dan mata wang, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Sehubungan itu, Timbalan Perdana Menteri berkata, pengumuman Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai pelantikan Daim yang juga Penasihat Ekonomi Kerajaan, sesuai dan tepat pada masanya.

"Malah, sejak beberapa bulan terakhir ini, kita sudah meningkatkan kerjasama dengan sektor swasta bagi membolehkan beliau memperolehi input untuk diberikan kepada saya dan Perdana Menteri supaya kita boleh buat keputusan," katanya.

Anwar berkata demikian selepas menerima kunjungan daripada Timbalan Perdana Menteri China, Wei Jianxing di Jabatan Perdana Menteri, di sini hari ini. Turut hadir, Menteri Penerangan yang juga Setiausaha Agung Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Mohamed Rahmat.

Sabtu lalu, Perdana Menteri, selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno mengumumkan pelantikan Daim yang akan berkuasa penuh untuk melaksanakan segala keputusan yang dibuat oleh NEAC.

NEAC yang dipengerusikan oleh Dr Mahathir, manakala Anwar sebagai Timbalan Pengerusi, akan melancarkan majlis itu pada bulan depan selepas menerima kelulusan Kabinet.

Mengenai kunjungan Jianxing, Anwar berkata perjumpaan sejam itu bertujuan untuk meningkatkan kerjasama dan hubungan dua hala di antara kedua-dua negara.

"Lawatan itu juga bertujuan untuk memberi ruang bagi membincangkan mengenai pelaburan dan perdagangan, termasuk import eksport di antara Malaysia dan China," katanya.

Menurutnya, mereka juga menyentuh perkembangan semasa, terutama krisis ekonomi yang melanda rantau ini.

Lawatan Jianxing itu diselaraskan oleh BN kerana Parti Komunis China (CPC) ingin mengeratkan hubungan di antara kedua-dua parti itu.

(END)